



Sebahagian dadah yang dirampas pihak berkuasa ICA Singapura.

(Foto ihsan ICA Singapura)

Singapura patahkan cubaan seludup 15kg dadah dari Malaysia

9 ditahan dalam
+ dua kejadian
berasingan

Singapura: Pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) Singapura menggagalkan dua cubaan berasingan untuk menyeludup kira-kira 15 kilogram (kg) dadah dari Malaysia.

Bahan terlarang itu disembunyikan dalam dua lori yang didaftarkan di Malaysia, yang ditahan ketika melalui Pusat Pemeriksaan Woodlands.

Dua pemandu warga Malaysia berusia 38 dan 44 tahun ditahan dan dibawa ke Biro Narkotik Pusat (CNB) untuk siasatan, menurut pihak berkuasa itu da-

lam kenyataan bersama di sini, semalam.

Pada 18 Disember lalu, sebuah lori yang didaftarkan di Malaysia membawa bungkusan taugheh dirujuk oleh pegawai ICA untuk pemeriksaan lanjut.

Pihak berkuasa menemui tujuh bungkusan dadah terkawal mengandungi kira-kira 4,622 gram heroin dan 521 gram dadah jenis 'ice' di dalam lori terbabit.

Sementara itu, kes kedua pada Isnin lalu membabitkan sebuah lori yang membawa perabot dan alat ganti kenderaan.

Pegawai yang memeriksa kenderaan berkenaan curiga apabila mengesan sesuatu yang ganjil dalam imej imbasan X-ray bungkusan yang diisytiharkan sebagai 'barangan peribadi'.

Ketika pemeriksaan lanjut, pegawai ICA menemui bung-

kusan mengandungi 4,368 gram 'ice'; 5,110 gram kanabis; 4,900 biji pil ecstasy dan 4,750 biji pil Erimin 5 yang disembunyikan di dalam perabot itu.

Penemuan dadah di pusat pemeriksaan itu membawa kepada operasi penguatkuasaan antidadah oleh CNB di beberapa lokasi di republik ini, menurut kenyataan sama.

Sejumlah 4,622 gram heroin; 5,393 gram 'ice'; 5,482 gram kanabis, 247 gram ketamin; 5,111 biji pil ecstasy dan 5,383 biji pil Erimin 5, kesemuanya bernilai hampir S\$2.3 juta (RM7 juta) dirampas.

Menurut kenyataan itu lagi, tujuh suspek berkaitan kesalahan dadah, terdiri daripada enam lelaki dan seorang wanita, berusia 20 hingga 55 tahun ditahan.

BERNAMA